

Beri rebat tinggi kepada penjawat awam beli rumah

MELAKA – Kemampuan penjawat awam untuk membeli rumah semakin berkurangan disebabkan harga rumah pada kadar semasa adalah tinggi, kata Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Azih Muda.

Sehubungan itu, beliau meminta kerajaan mengambil langkah perlu bagi 'memulih' dan meningkatkan kembali keupayaan penjawat awam membeli rumah terutamanya mereka yang mahu membeli rumah buat kali pertama.

Katanya, bagi mencapai hasrat itu, kerajaan disaran memberikan nilai rebat lebih tinggi kepada pembelian rumah penjawat awam dan melihat semula bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) terhadap bahan pembinaan rumah untuk penjawat awam tersebut.

"Walaupun rumah itu sendiri tidak kena GST tetapi bahan-bahan yang digunakan untuk pembinaan rumah (kena) GST. Bagi setiap rumah yang melebihi RM180,000, hampir RM30,000 dibelanjakan untuk (membayar) cukai," katanya di sini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Penjawat Awam Pihak Berkuasa Tempatan Zon Selatan di Dewan Taming Sari, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Ayer Keroh di sini semalam.

Azih berkata, CUEPACS turut mencadangkan, jumlah rebat sama dengan nilai GST dikenakan semasa proses pembinaan rumah itu diberikan kepada penjawat awam yang membeli rumah terutamanya rumah pertama.

Pada masa sama, pihaknya juga meminta kerajaan menilai semula harga sebenar rumah di negara ini mengikut kaedah ekonomi semasa menggunakan teknologi seperti sistem bangunan berindustri dan bukan berdasarkan spekulasi pasaran.